

400 lagi PTJ akan diwujudkan di Lembah Klang

UM 10 DEC 2002

KUALA LUMPUR 9 Dis. — Kementerian Kewangan akan mewujudkan 400 lagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi urusan e-Perolehan di Lembah Klang menjelang akhir tahun ini.

Ketua Eksekutif Commerce Dot Com., Datuk Mohd. Salleh Masduki berkata, penambahan itu akan menjadikan bilangan keseluruhan PTJ kepada 520 PTJ, meletakkan Lembah Klang sebagai pemacu kepada pelaksanaan kerajaan dalam sistem e-perolehan itu.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan sistem ini, pusat-pusat perolehan kerajaan akan hanya membuat pembelian daripada pembekal yang berdaftar dan menyenaraikan barangan dan perkhidmatan mereka menerusi e-Perolehan.

“Langkah Kementerian Kewangan itu juga merupakan usaha serius untuk

merealisasikan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Ia juga bertujuan menjadikan kerajaan Malaysia sebagai yang pertama di dunia berurus niaga menerusi pasar elektronik dalam talian,” kata beliau dalam kenyataan di sini.

e-Perolehan merupakan sistem pembelian elektronik canggih yang unik untuk urus niaga kerajaan-kepada-perniagaan yang bertujuan menyelaraskan proses dan prosedur bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

Katanya, menerusi e-Perolehan, pembeli di pihak kerajaan boleh membuat pembelian tepat dengan akses segera kepada produk terkini dan maklumat harga yang tersedia dalam talian.

“Kaedah ini akan melonjakkan transformasi negara ini menjadi k-eko-

nomi dan menggalakkan penggunaan e-dagang di Malaysia,” kata Mohd. Salleh.

Beliau berkata, bagi pembekal kerajaan, mereka yang sudah mendaftar dalam e-Perolehan perlu mendapat akses ke dalam sistem itu.

“Kos yang terbabit agak minimum. Untuk yuran pendaftaran RM300 dan pemohon dibekalkan minimum satu kad pintar dan alat pembaca kad pintar itu,” katanya.

Katanya, e-Perolehan kini dalam pelaksanaan akhir apabila modul Sebut Harga dan Tender dimulakan dalam talian akhir tahun ini.

“Bermula tahun depan, semua pembekal kerajaan akan dikehendaki mengemukakan sebut harga, mendapatkan dokumen tender dan menyerahkan bidaan tender secara dalam talian,” katanya.